



10 September 2014
10 September 2014
P.U. (A) 255

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (RESOLUSI MAJLIS KESELAMATAN) (AL-QAIDA DAN TALIBAN) (PINDAAN) 2014

ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING (SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS) (AL-QAIDA AND TALIBAN) (AMENDMENT) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN
PEMBIAYAAN KEGANASAN (RESOLUSI MAJLIS KESELAMATAN)
(AL-QAIDA DAN TALIBAN) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66C dan 66D Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Resolusi Majlis Keselamatan) (Al-Qaida dan Taliban) (Pindaan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2014.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Resolusi Majlis Keselamatan) (Al-Qaida dan Taliban) 2011 [*P.U. (A) 402/2011*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam takrif “entiti tersenarai”, dengan memasukkan selepas perkataan “dalam Senarai 1267” perkataan “dan Senarai 1988”;

(b) dengan menggantikan takrif “entiti yang dinyahsenaraikan” dengan takrif yang berikut:

“entiti yang dinyahsenaraikan” ertinya entiti yang dikeluarkan—

(a) daripada Senarai 1267 oleh Jawatankuasa 1267; dan

(b) daripada Senarai 1988 oleh Jawatankuasa 1988;” ’;

- (c) dalam takrif “Senarai 1267”, dengan memasukkan selepas perkataan “yang bersekutu dengan mereka” perkataan “yang dikemas kini oleh Jawatankuasa 1267 dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di <http://www.un.org>”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “Jawatankuasa 1267” takrif yang berikut:
- ‘ “Jawatankuasa 1988” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Resolusi 1988 (2011) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu” ’; dan
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “Senarai 1267” takrif yang berikut:
- ‘ “Senarai 1988” ertinya Senarai Disatukan bagi entiti yang diwujudkan dan disenggarakan oleh Jawatankuasa 1988 berkenaan dengan Al-Qaida, Usama bin Laden dan Taliban, dan individu lain, kumpulan, perusahaan dan entiti yang bersekutu dengan mereka yang dikemas kini oleh Jawatankuasa 1988 dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di <http://www.un.org>”.’

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (3), dengan menggantikan perkataan “Jadual Pertama” dengan perkataan “Senarai 1267 dan Senarai 1988”; dan
- (b) dalam subperenggan (4), dengan menggantikan perkataan “Jadual Kedua” dengan perkataan “Senarai 1267 dan Senarai 1988”.